

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TERESA KOK SUH
SIM [SEPUTEH]**

TARIKH : 15 MAC 2017

SOALAN :

YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos perbelanjaan percutian Perdana Menteri dan keluarga pada tahun 2016 yang dibiayai oleh Kerajaan. Nyatakan elaun percutian bagi Menteri, Timbalan Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri setiap tahun.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hanya menanggung kos perbelanjaan melibatkan program/lawatan rasmi sahaja manakala kelayakan elaun percutian bagi Menteri, Timbalan Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri setiap tahun adalah seperti yang diperuntukkan dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237).

Sekian, terima kasih.